

Petikan Kuntum-kuntum Bunga

Halaman ini kami hiasi dengan kuntum-kuntum bunga yang kami telah petik di sana di sini. Kepada

siapa yang meminatinya, silakan pula menyuntingnya.

Tabib Hārūn al-Rashīd

Khalifah Hārūn al-Rashīd ada mempunyai seorang tabib yang sangat mahir dari bangsa Nasrani. Pada suatu hari tabib tersebut telah bertemu dengan ‘Alī bin al-Ḥusayn bin Wāqid di Balai Penghadapan Khalifah. Keduanya telah berbual-bual.

Dalam perbualan mereka, tabib itu telah berkata:

“Ilmu itu terbahagi kepada dua, iaitu ilmu tubuh badan dan ilmu keagamaan. Itulah sahaja yang terdapat di dalam kitab Qur’an kamu. Akan ilmu perubatan tidak ada langsung tersebut di sana.”

‘Alī bin al-Ḥusayn menjawab: “Sesungguhnya Allah Ta‘ālā telah pun menghimpunkan segala ilmu perubatan itu yang terkandung dalam separuh dari sepotong ayat al-Qur’ān.”

Tanya tabib itu: “Mana dia ayat itu?”

‘Alī menjawab: Ayat itu ialah: *Kulū wa israbū’ wa lā tusrifū* ertinya: “Makanlah dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan.”

Kata tabib Nasrani itu lagi: “Tetapi Nabi kamu sedikit pun tidak menyebutkan tentang ilmu perubatan itu.”

Jawab ‘Alī: “Nabi kami telah pun menghimpunkannya hanya dalam beberapa lafaz yang sedikit.”

Tanya tabib lagi: “Mana dia?”

Jawab ‘Alī: “Nabi (S.A.W) telah bersabda *al-ma‘idati*

bayti al-dā’, wa al-ḥamiyyati ra’su kullu dawā’i wa a’fa kullu badani

mā ‘awadatak ertinya: “Perut itu adalah sarang penyakit.

Dan berpantang itu adalah punca segala ubat. Dan berilah

tubuh badan itu akan apa yang engkau telah membiasakannya.”

Mendengar itu tabib itu pun mengakulah akan

kebenarannya seraya berkata: “Rupanya tidak ada yang

ketinggalan dari “Jalinus” (seorang tabib

Nasrani yang paling masyhur) melainkan Nabi kamu dan kitab

Qur’an kamu ada menyebutkan tentang ilmu perubatan itu.”

* * *

Tidak Berselera Makan

Ada seorang telah mengadu kepada Suqrāt³ (filsuf bangsa Greek) bahawa dirinya tidak ada selera semasa hendak makan, walaupun hidangan yang dihadapinya dari jenis makanan yang sangat lazat rasanya.

Suqrāt telah menasihatinya dengan kata-kata yang berbunyi demikian:

“Hendaklah engkau makan yang sederhana sahaja. Dan jangan pula banyak macamnya. Kelak engkau akan rasakan kelazatannya, sedang belanjanya pun enteng, di samping itu watakmu juga akan menjadi sederhana.”

* * *

¹ Perkataan sebenar ialah *wa ishrabū*.

² Berdasarkan rujukan, ianya bukanlah hadith Nabi (S.A.W), tetapi merupakan kata-kata tabib Arab Harith bin Kaldah.

³ Merujuk kepada Socrates.

Tetamu yang Berakal dan yang Tidak Berakal

Pada suatu hari Suqrāt telah mengadakan jamuan makan untuk para tetamunya. Manakala jenis makanan yang dihidangkannya itu tidak sepertinya (terlalu sedikit macamnya), maka seorang karibnya telah menegurnya tentang jenis hidangan tersebut seraya berkata: “Sepatutnya tuan lebih mengambil berat dalam menyediakan makanan untuk para tetamu itu.”

Maka Suqrāt pun menjawab: “Kaulah tetamuku itu orang yang berakal, tentu mereka memada dengan apa yang ada di dalam hidangan itu. Tetapi kalau mereka itu orang yang tidak berakal, mereka akan menghendaki akan hidangan itu lebih dari yang patut.”

* * *

Penyelamat Penanaman Hidup-hidup

Namanya Sa’sa’ah bin Nājiah, iaitu datuk kepada Al-Farazdaq (seorang penyair bangsa Arab yang masyhur di zaman pemerintahan Banī Umayyah) dia dinamakan Sa’sa’ah, kerana pada suatu hari telah bertemu dengan seorang lelaki yang tengah asyik menggali sebuah perigi sedang di sampingnya isterinya duduk menangis. Perempuan itu telah ditanya olehnya: Mengapa dia menangis?

Dijawabnya: Bahawa suaminya hendak menanam anak perempuan mereka hidup-hidup di dalam perigi itu.

Kemudian Sa’sa’ah telah bertanya kepada lelaki itu: “Mengapa engkau lakukan yang demikian?”

Lelaki itu menjawab: “Kerana saya tersangat miskin.”

Kata Sa’sa’ah: “Aku akan membeli anak perempuanmu itu dengan bayaran dua ekor unta bersama dengan anaknya, agar kamu dapat hidup dengan meminum susunya,

dan janganlah kamu menanam lagi anak perempuan hidup-hidup.”

Lelaki itu bersetuju, dan Sa’sa’ah pun memberikan beberapa ekor unta kepadanya. Dalam hati lelaki itu berkata:

“Alangkah pemurahnya orang ini. Belum pernah seorang pun dari kalangan orang-orang Arab kulihat seperti dia pemurahnya.”

Memanglah Sa’sa’ah itu begitu sikapnya. Setiap dia mendengar ada orang yang hendak menanam anaknya hidup-hidup – iaitu satu kebiasaan orang-orang Arab Jahiliah melakukannya disebabkan kemiskinan atau takut malu – setiap itu pula dia tampil untuk menebusnya.

Adalah diceritakan manakala agama Islam telah datang kemudiannya, dia telah dapat menebus sebanyak 300 orang kanak-kanak perempuan yang hendak ditanam hidup-hidup oleh bapanya, setengah riwayat mengatakan 400 orang.

Itulah sebabnya Al-Farazdaq berbangga dengan perbuatan datuknya. Kebanggaan itu telah diabadikannya di dalam syair-syairnya. Di antaranya berbunyi demikian:

*Datukkulah orangnya yang telah mempertahankan
penanaman anak-anak perempuan secara hidup-hidup.
Dialah pula orangnya yang telah menghidupkan
mangsa penanaman, langsunglah tertutup.*

* * *

Kerajinan dan Kesabaran.

Kerajinan dan kesabaran jika keduanya dipunyai oleh seseorang, dapatlah menundukkan segala kesulitan dan kesusahan sebenarnya semua manusia itu sama sahaja kebolehannya dalam bekerja. Tak ada kelebihan antara

seorang dengan yang lain, melainkan dengan adanya kecekalan dan kesabaranan⁴.

Ada orang yang mengatakan: “Bahawasanya semua manusia boleh menjadi penyair, pensyarah dan sarjana yang bijak pandai, kalau mereka berusaha dan bersabar. Tak ada orang yang sejak dilahirkan telah menjadi sarjana yang bijak pandai. Tetapi ketekunan dan kesabarannya itulah yang menyampaikan dirinya ke mercu kemuliaan.”

* * *

Makanlah Dari Titik Peluh Sendiri.

Peraturan hidup menghendaki seseorang itu mesti mencari nafkah hidup dengan berusaha. Janganlah hendaknya seseorang itu suka bergantung kepada orang lain untuk menanggung makan minumannya. Dalam hubungan ini Nabi (S.A.W) telah bersabda “*Mā akala aḥadu ṭa’āman qaṭṭu khayran min an ya’kula min ‘amali yadih*”

Ertinya: “Tak ada seorang pun yang lebih baik dari orang yang makan dari hasil titik peluhnya sendiri.”

Rezeki itu walaupun dicatu, tetapi berusaha untuk mendapatkannya adalah menjadi kewajipan setiap orang yang bernyawa. Masing-masing berlumba-lumba mencarinya, siapa yang dahulu dia yang dapat. Ada sebuah *āthar* yang berbunyi demikian “*Inna Allāha kataba ‘alaykum al-sa’ya fas’aw*”

Ertinya: “Sesungguhnya Allah Ta’ālā telah menetapkan tiap-tiap kamu mesti berusaha, oleh sebab itu hendaklah kamu berusaha!”

* * *

Al-Kasā’ī dengan 2 Orang Putera Mahkota

Al-Kasā’ī adalah seorang guru kepada dua orang anak Khalifah Hārūn al-Rashīd yang bernama Amīn dan Ma’mūn. Pada suatu hari sehabis mengajar keduanya, dia bangun

hendak pulang, maka kedua orang muridnya itu pun bangun pula untuk mengambilkan kasut gurunya. Kemudian keduanya telah bertengkar, masing-masing berebut akan memberikannya kepada gurunya. Akhirnya dapat didamaikan, iaitu tiap-tiap seorang akan memberikan sebelah kasut.

Peristiwa ini telah didengar beritanya oleh Khalifah. Maka beliau pun memanggil akan al-Kasā’ī supaya mengadapnya. Bila dia masuk ke balai penghadapan Khalifah bertanya:

“Siapakah orang yang paling dimuliakan?”

Al-Kasā’ī menjawab: “Yang saya tahu tak ada orang yang paling dimuliakan melainkan Tuanku Amīr al-Mu’minīn (Raja orang-orang Mukmin).”

Khalifah menyangkal: “Bukan! Tetapi orang yang paling dimuliakan itu ialah bila dia bangun, maka bermati-matianlah dua orang putera mahkota kerana berebut mengembalikan kasutnya sehingga masing-masing bersetuju untuk memberikan sebelah kasut – tiap-tiap seorang.”

Mendengar itu, al-Kasā’ī segera meminta maaf, kerana menyangka dirinya bersalah.

Tetapi Khalifah telah menafikannya seraya berkata: “Tidak! Malahan kalaulah kiranya engkau enggan mendapat penghormatan dari kedua anakku nescaya terpaksa aku menyakitimu dengan kecaman-kecamanku. Apa yang keduanya lakukan bukanlah merendahkan kehormatan keduanya, malahan meninggikan lagi akan kedudukan keduanya. Tidaklah seseorang itu benar-benar menjadi orang besar, melainkan jika dia mengamalkan 3 perkara iaitu: merendah diri kepada rajanya, ibu bapanya dan gurunya.”

Kemudian Khalifah berkata lagi: “Aku telah membalas atas perbuatan mereka berdua dengan menghadihkan 20,000 dinar. Dan 10,000 dinar pula untukmu atas jasamu mendidik keduanya.”

* * *

⁴ Perkataan sebenar ialah kesabaran.

Melakukan Keadilan

Saiyidina Abū Bakr al-Siddīq R.A. pernah memberikan wasiat atau pesan kepada pegawai-pegawainya seperti berikut:

“Hendaklah kamu berlaku adil dan jauhi perbuatan aniaya! Jangan kamu menipu jika kamu membuat janji.

Dan janganlah kamu mencabul jika kamu telah berdamai!”

Saiyidina ‘Alī bin Abū Ṭālib pula telah berpesan demikian: “Keadilan mempunyai rupa yang satu, sedang kezaliman pula mempunyai rupa yang amat banyak. Oleh sebab itu amat senang melakukan kejahatan dan amat susah memelihara keadilan.”

Khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz telah menulis surat kepada pegawainya seperti berikut:

“Jika engkau diajak oleh kekuasaan yang ada padamu untuk melakukan aniaya terhadap manusia, ingatlah pula engkau akan kekuasaan Allah yang akan dilakukan-Nya terhadap kepadamu.”

Dan ketika pegawai-pegawai Khalifah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz minta kebenaran kepadanya untuk memperkubukan salah sebuah kota, beliau telah menulis surat kepada mereka seperti berikut:

“Kubukanlah kota itu dengan keadilan, dan bersihkanlah jalan-jalannya dari kezaliman.”

Kata ‘Amrū bin al-‘Āṣ: “Tidak ada pemerintahan, melainkan dengan pegawai-pegawai. Tidak ada pegawai-pegawai, melainkan dengan kewangan. Tidak ada kewangan, melainkan dengan kemakmuran. Dan tidak ada kemakmuran, melainkan dengan keadilan.”

* * *

Memelihara Lidah

Kata seorang ahli hikmah: “Tambatkanlah lidahmu (jangan digunakan), melainkan kepada yang benar (yang hak) yang

hendak engkau terangkan, dan kepada yang salah (yang batil) yang hendak engkau hapuskan, dan terhadap kepada ilmu pengetahuan yang hendak engkau siarkan, begitu juga terhadap kepada nikmat yang hendak engkau sebut-sebutkan.”

Kata ahli hikmah yang lain: “Sesungguhnya lidah itu binatang luas, sekiranya engkau tambatkan dia, engkau akan dijaganya. Dan sekiranya engkau lepaskan dia, engkau akan dicelakakan olehnya. Oleh sebab itu selalulah engkau berhati-hati terhadapnya.

Kata peribahasa: “Keselamatan manusia bergantung kepada pemeliharaan lidahnya.”

Kata Luqmān al-Ḥakīm kepada anaknya: “Hai anakku! Kalau orang berbangga dengan kebagusannya dia bercakap, maka berbanggalah pula engkau dengan kebaikan menutup mulutmu.

Kata orang bijaksana: Kurunglah lidahmu sebelum berpanjangan terkurungnya dirimu atau terbinasanya dirimu.

* * *

Anggota yang Dapat Menutup Kecacatan

Pada suatu hari Qas bin Sa‘ādah telah berbual-bual dengan Aktham bin Ṣayfī.

Salah seorang dari keduanya bertanya: “Berapa banyakkah kecacatan yang terdapat pada diri manusia?”

Yang lain menjawab: “Sungguh teramat banyak, sehingga tidak boleh lagi dihitung. Tetapi ada satu perkara sahaja jika seseorang itu mahu menggunakannya, semua kecacatannya kelak akan tertutup.

Salah seorang lagi bertanya: “Apa dia perkara itu?”

Dijawabnya: “Jagalah lidah!”